

27 JUN 1999

Ling-DAP

RAKYAT PERLU TOLAK DAP, KATA DR LING

PULAU PINANG, 27 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata rakyat Pulau Pinang tidak boleh mengharap DAP untuk menerajui pemerintahan negeri kerana parti itu sendiri kini dalam keadaan kucar-kacir.

Katanya perpecahan yang berlaku di dalam parti itu amat ketara apabila terdapat anggotanya yang bertindak meninggalkan parti dan mengkritik sesama sendiri.

"Kalau keluarga sendiri berada dalam keadaan kucar-kacir, bagaimana pula mereka hendak membantu orang lain. Rumah sendiri tidak dapat diuruskan bagaimana hendak menguruskan orang lain?" tanya beliau.

Sikap pemimpin parti itu yang gemar bermuka-muka juga tidak harus diterima rakyat, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Perwakilan MCA Negeri, di sini.

Dr Ling berkata DAP cuba mengaburi mata rakyat dengan menegaskan pendirian menentang penubuhan sebuah negara Islam oleh PAS apabila bertemu dengan masyarakat bukan Islam dan sebaliknya menyokong hasrat parti tu apabila bertemu dengan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Aziz Nik Mat.

Rakyat Pulau Pinang harus menghentikan kepura-puraan ini dan bersatu menyokong Barisan Nasional, katanya.

Mengenai calon MCA negeri bagi pilihan raya umum akan datang, Dr Ling berkata parti itu akan mencadangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Pengerusi BN, supaya kesemua 9 anggota Dewan Undangan Negeri dan dua anggota Parlimen MCA Pulau Pinang dikekalkan sebagai calon.

Beliau bersetuju dengan cadangan Pengerusi MCA Negeri Datuk Dr Sak Cheng Lum supaya mereka ini dikekalkan berikutan prestasi cemerlang mereka di negeri ini.

MCA juga berharap dapat memenangi semula kerusi Parlimennya di Bagan yang terlepas ke tangan DAP, pada pilihan raya lepa.

Beliau juga berkata tidak timbul soal MCA mahu menuntut kerusi tambahan pada pilihan raya akan datang kerana yang penting semua calon BN memenangi pilihan raya itu.

-- BERNAMA

ZU RON